

# Perwakilan **sifatkan** ucapan Mahathir **berani**, terus terang

**K**UALA LUMPUR 9 Okt. Para perwakilan Mesyuarat Menteri Kewangan Komanwel Ke-39 menyifatkan ucapan perasmian Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad hari ini sebagai ucapan yang berani dan berterus terang.

Menurut mereka, Perdana Menteri banyak menyentuh soal yang menjadi kepentingan negara - negara Komanwel, khususnya negara miskin dan yang sedang membangun.

Mereka berpendapat, ucapan itu boleh menyedarkan negara - negara maju bahawa apa yang mereka lakukan tidak semestinya harus diikuti oleh negara - negara lain.

Timbalan Perdana Menteri Jamaica, Encik P.J. Patterson berkata, ucapan perasmian itu sangat menarik, padat serta ringkas.

Beliau yang juga Menteri Kewangan negara itu berkata, ucapan itu jelas memperlihatkan keprihatinan Dato' Sri Dr. Mahathir terhadap masalah negara - negara sedang membangun.

"Saya bersetuju dengan konsep demokrasi yang diu-



## MESYUARAT MENTERI- MENTERI KEWANGAN KOMANWEL

tarakan oleh beliau bahawa sesuatu amalan demokrasi di sesebuah negara tidak semestinya sesuai dengan sesebuah negara yang lain," tambah beliau.

Encik Patterson berkata, apa yang menarik dalam ucapan Dato' Sri Dr. Mahathir ialah beliau juga menekankan beta-

pa perlunya masyarakat dunia antarabangsa mencari jalan untuk menyelesaikan masalah beban hutang yang dipikul oleh negara - negara miskin dan yang sedang membangun.

"Buat masa ini, negara - negara yang berhutang lebih banyak membayar semula hutang berbanding pendapatan yang mereka perolehi," katanya sambil berpendapat isu ini akan menjadi salah satu isu hangat ketika persidangan Tabung Kewangan Antarabangsa dan Bank Dunia di Bangkok minggu depan.

Menteri Kewangan Uganda, Dr. C.W.C.B. Kiyonga setuju dengan pendapat Dato' Sri Dr. Mahathir bahawa bantuan kepada negara - negara miskin tidak sepatutnya diputuskan.

"Negara - negara berkenaan banyak bergantung kepada bantuan, jika bantuan itu diputuskan apa akan jadi kepada mereka," katanya sambil menyifatkan ucapan perasmian itu akan menyedarkan semua pihak yang terlibat, khususnya negara maju.

Menteri Kewangan dan Perancangan Pembangunan Bot-

swana, Encik F.G. Mogae menyifatkan ucapan itu meliputi bidang yang luas, khususnya kepentingan negara - negara yang sedang membangun.

Menurutnya, memang benar konsep demokrasi berbeza - beza antara sesebuah negara dan adalah tidak wajar negara - negara maju memaksa negara - negara lain mengikut pengertian demokrasi mereka.

Menteri Kewangan Belize, Encik Ralp Fonseca berkata, ucapan Perdana Menteri itu jelas menggambarkan bahawa perlunya mengekalkan keseimbangan dunia dalam semua bidang.

"Saya bersetuju dengan pengertian demokrasi yang dikatakannya... pengertiannya tidak sama antara sesebuah negara kerana ia bergantung kepada pengalaman negara berkenaan," ujar beliau.

Setiausaha Kewangan Bahamas, Encik Warrer Rolle pula menyifatkan ucapan tersebut sangat baik dan menggambarkan Perdana Menteri sebagai seorang pemimpin yang mempunyai wawasan yang luas.